



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**29 OGOS 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,578 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **142,939 kes**. Sebanyak 46 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 11 kes di Tawau, 10 kes di Kota Kinabalu, sembilan (9) kes di Sandakan, tiga (3) kes di Tuaran dan Keningau, dua (2) kes di Kinabatangan, Penampang dan Kalabakan manakala Papar, Kudat, Putatan dan Lahad Datu masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,722 menjadikan jumlah kumulatif 109,311 orang. Seramai 5,003 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,487 orang di hospital, 3,457 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 50 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala sembilan (9) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 214 orang dan 75 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah Kes harian masih tinggi tetapi lebih rendah daripada semalam. Jumlah kes hari ini ialah (2,578) kes iaitu penurunan sebanyak (-256) kes berbanding (2,834) kes yang dicatatkan semalam (28 Ogos 2021).
- b. Tuaran mencatatkan penambahan (+288) kes hari ini di mana hampir 84% kes di daerah itu adalah di kalangan Kontak Rapat. Kes di Daerah Penampang pula turun (-268) kes dan secara keseluruhan 41% adalah daripada Saringan Bergejala.
- c. Secara keseluruhan Saringan Bergejala ialah 28.78% atau (742) kes sementara Saringan Kontak Rapat menyumbang 62.26% atau (1605) kes dan Saringan Kluster hanya (30) kes. Kota Kinabalu merekodkan peratusan Saringan Bergejala yang paling tinggi yakni 42.5% atau (249) kes. Daripada (2,578) kes hari ini, (2,356) atau (91.4%) adalah warganegara dan (222) kes adalah bukan warganegara.
- d. Daripada (2,578) kes baharu hari ini, (1,064) kes atau 41.27% adalah kes positif yang lewat didaftar antara 2 hingga 3 hari, (171) kes atau 6.63% adalah keputusan saringan yang didaftar lewat antara 4 hingga 5 hari dan (207) kes atau 8.03% adalah kes daftar lewat melebihi 5 hari.
- e. Sejumlah (2,507) atau 97.24% pesakit dengan pecahan sebanyak (620) kes daripada Kategori 1 dan sebanyak (1,887) kes daripada Kategori 2, (13) pesakit dalam Kategori 3, tujuh (7) pesakit dalam Kategori 4 dan (25) pesakit dalam kategori 5. (26) kes masih dalam siasatan lanjut.
- f. 61% atau (1,572) kes daripada keseluruhan kes hari ini adalah berumur antara 18 hingga 59 tahun, (509) kes berumur antara 6 hingga 17 tahun dan (228) kes berumur lebih 60 tahun. Terdapat (235) kes merupakan kanak-kanak yang berumur 1 hingga 5 tahun dan (34) kes adalah bayi berumur di bawah 1 tahun.
- g. Setakat semalam, (28 Ogos 2021), 56.3% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi sekurang-kurangnya satu dos dan 37.1% telah pun melengkap pengambilan vaksin.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,605) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	30	1.16%
2	Bergejala	742	28.78%
3	Kontak	1,605	62.26%
4	Bersasar	22	0.85%
5	Lain-lain	179	6.94%
<b>JUMLAH</b>		<b>2,578</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (28 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 28/08/2021</b>	<b>Catatan Kes 29/08/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Tuaran	181	469	+288
2	Telupid	53	101	+48
3	Tongod	11	48	+37
4	Tawau	174	206	+32
5	Kota Belud	82	111	+29
6	Kuala Penyu	1	5	+4
7	Ranau	41	44	+3
8	Semporna	9	10	+1
9	Penampang	396	128	-268
10	Papar	223	117	-106
11	Lahad Datu	105	63	-42
12	Kinabatangan	80	38	-42
13	Pitas	74	35	-39
14	Kota Marudu	88	52	-36
15	Putatan	88	58	-30
16	Keningau	108	84	-24
17	Sandakan	271	249	-22
18	Kota Kinabalu	603	586	-17
19	Kunak	28	12	-16
20	Tenom	63	50	-13
21	Beaufort	32	20	-12
22	Sipitang	23	12	-11
23	Nabawan	34	28	-6
24	Tambunan	12	6	-6
25	Kalabakan	22	18	-4
26	Kudat	25	23	-2
27	Beluran	7	5	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>2,834</b>	<b>2,578</b>	<b>-256</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (15 Ogos - 28 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	310	249	0	27	586	8,201
Tuaran	0	392	56	7	14	469	3,318
Sandakan	5	74	103	0	67	249	3,091
Tawau	0	100	85	0	21	206	3,120
Penampang	0	79	42	0	7	128	3,990
Papar	0	90	27	0	0	117	2,060
Kota Belud	0	72	38	0	1	111	1,076
Telupid	0	97	3	0	1	101	635
Keningau	0	47	30	0	7	84	1,517
Lahad Datu	7	30	17	0	9	63	1,403
Putatan	0	34	20	0	4	58	1,167
Kota Marudu	0	44	7	0	1	52	755
Tenom	0	34	4	12	0	50	521
Tongod	12	34	2	0	0	48	505
Ranau	0	38	3	0	3	44	619
Kinabatangan	2	31	4	0	1	38	1,039
Pitas	0	25	4	3	3	35	402
Nabawan	4	20	2	0	2	28	361
Kudat	0	12	10	0	1	23	372
Beaufort	0	11	8	0	1	20	720
Kalabakan	0	5	9	0	4	18	347
Kunak	0	8	3	0	1	12	320
Sipitang	0	7	5	0	0	12	877
Semporna	0	0	8	0	2	10	137
Tambunan	0	5	1	0	0	6	146
Beluran	0	2	1	0	2	5	521
Kuala Penyu	0	4	1	0	0	5	99
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>1,605</b>	<b>742</b>	<b>22</b>	<b>179</b>	<b>2,578</b>	<b>37,319</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Nabawan	Kluster Lima	1
	Kluster Sarikan	3
Sandakan	Kluster Lebu Empat	5
Lahad Datu	Kluster Cenderawasih	7
Tongod	Kluster Kampung Penangah	12
Kinabatangan	Kluster Sawit Sukau	1
	Kluster Tangkuyan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>30</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,092 unit

- Hospital 1,600 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,820 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 70.42%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 29 OGOS 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,571
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>2,578</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	2
Selangor	2
Perak	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Amerika Syarikat	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,356
Bukan Malaysia	222
<b>Jumlah</b>	<b>2,578</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	778
Belum Menerima Vaksin	782
Menerima 1 Dos	402
Lengkap 2 Dos	616
<b>Jumlah</b>	<b>2,578</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	34
1 to 5	235
6 to 17	509
18 to 59	1,572
>60	228
<b>Jumlah</b>	<b>2,578</b>



## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 29 Ogos 2021)
1	Tawau	31
2	Kota Kinabalu	13
3	Penampang	11
4	Kota Belud	10
5	Tuaran	7
6	Beluran	5
7	Kinabatangan	5
8	Lahad Datu	5
9	Papar	5
10	Ranau	4
11	Kudat	4
12	Sipitang	4
13	Telupid	2
14	Beaufort	2
15	Keningau	2
16	Kota Marudu	1
17	Sandakan	1
<b>JUMLAH</b>		<b>112</b>

## D PEMATUHAN SOP : PEMAKAIAN PELITUP MUKA

- 1 Masyarakat diingatkan agar terus mempraktikkan pematuhan SOP dengan serius khususnya dari aspek pemakaian pelitup muka dengan betul baik kepada individu yang belum vaksin mahupun yang telah di vaksin.
- 2 Pemantauan di lapangan mendapati ketidakpatuhan pemakaian pelitup muka dan kesedaran yang masih berada di tahap yang membimbangkan berdasarkan peningkatan bilangan kompaun harian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.
- 3 Peranan dan tanggungjawab semua pihak amat diperlukan untuk menangani pandemik COVID-19 melalui pematuhan SOP yang ditetapkan demi keselamatan bersama.

## E PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Bukit Gemuk, Tawau	31 Ogos 2021	13 September 2021
2.	Kampung Nasakot, Ranau	31 Ogos 2021	13 September 2021

## F PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Megah Jaya ( Lorong 2, 3, 9, dan 10) Tawau	30 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 31 Ogos 2021 sehingga 13 September 2021

## G PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Tiga (3) lokaliti di Kota Belud <ul style="list-style-type: none"><li>• Kampung Mantanau</li><li>• Kampung Pirasan Ulu</li><li>• Kampung Suang Punggur</li></ul>	17 Ogos 2021	Ditamatkan pada 30 Ogos 2021 seperti yang dijadualkan

## H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **16,257** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,510,148 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **24,933** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 970,011 orang.

## I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **481,931** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 171 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,535 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 177 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 57 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Sembilan (9) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Empat (4) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
  - Empat (4) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
  - Dua (2) Orang : Aktiviti Terlarang/Keluar Masuk Kawasan PKPD
  - Satu (1) Orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 70 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 954 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 245 premis perniagaan dan 323 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan pekerja tidak memakai pelitup muka di Rasika Maju, Plaza Tg. Aru. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 264 Premis Perniagaan melibatkan 155 anggota APM. Sebanyak 52 Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 17 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 313 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 328 hebahan di seluruh Sabah.

**K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tuaran	95.5%
2	Sipitang	95.5%
3	Kota Marudu	95.5%
4	Beaufort	95.5%
5	Ranau	95.5%
6	Papar	95%
7	Keningau	95%
8	Kota Belud	95%
9	Tenom	95%
10	Kota Kinabalu	95%
11	Kudat	95%
12	Lahad Datu	95%
13	Kunak	95%
14	Semporna	94.5%
15	Beluran	94.5%
16	Sandakan	94.5%
17	Kinabatangan	94.5%
18	Tawau	94%
19	Penampang	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**